

Dia memakai capal seorang salik lalu mula melangkahakan kaki untuk bergerak di jalan yang penuh berliku. Kami sering mengatakan bahawa setiap jalan itu berliku, penuh dengan ujian dan sebagainya. Namun, jalan ini bukanlah jalan berliku yang sering kami bicarakan. Jalan berliku ini ialah jalan yang mencelikkan mata dan membuka ruang pendengaran. Capal yang dipakainya ialah capal seorang hamba yang mula berjalan di sebuah jalan yang melibatkan penyerahan; penyerahan seperti Ibrahim yang tak dibakar api, seperti Musa yang bertongkat mukjizat, seperti Nuh di atas bahtera, seperti Isa yang diangkat ke langit, seperti Khidr yang berjaya minum air *ma'ul hayat*, seperti Adam yang bersatu dengan Hawa, seperti Muhammad yang dibawa bertemu Tuhannya dan seperti seribu kisah lain tentang mukjizat dan karamah yang tidak akan pernah terhenti dalam bukatnya malam dan bercahayanya siang.

Sebagai seorang salik, hanya pakaian putih sahaja yang dipakainya sebagai lambang kesucian. Pakaian putih itulah pakaian fitrah yang tak terpisah dengan makrifat dan cinta. Pakaian putih itulah yang dikatakan dipakai junjungan tercinta tatkala berdakwah di Ta'if, lalu baginda kembali dengan pakaian yang penuh dengan kehitaman akibat daripada titisan darah yang mengering dan lemparan najis daripada penduduknya. Doa indah junjungan yang dilafazkan buat penduduk Ta'if merupakan sebuah penzahiran penyerahan di balik diri baginda.

Andai diri ini ialah pakaian putih tersebut, kami sendiri yang melemparkannya dengan najis mazmumah. Pakaian putih seorang salik yang dipakainya bukanlah agar dipandang dirinya bersih. Warna putih itu sebenarnya adalah supaya segala kotoran lebih jelas kelihatan di dalam perjalanan mengenal keterlupaan insan. Setiap kali seorang salik terjatuh di dalam perjalanan atau tenggelam di dalam permainan lumpur, pakaian putih itu akan menjadi sebuah kanvas yang dilumuri dengan jejak perjalanan.

Dia berjalan dengan langkah yang teratur, tidak terlalu laju dan tidak terlalu perlahan. Manusia telah kecapai pelbagai kemajuan teknologi sehingga kemajuan tersebut mengalihkan perhatian mereka daripada kemajuan rohani. Di setiap jalan yang dilaluinya, keadaannya sesak

dengan manusia seolah-olah semua rumah telah dikosongkan atau rumah sekadar menjadi tempat tidur. Jerebu yang datang dan pergi juga tidak mengembalikan manusia ke rumah mereka. Dia mengamati wajah yang dilihat sepanjang jalan. Setiap wajah menyimpan seribu kisah dan dia cuba mencungkil kisah tersebut satu-persatu. Setiap kisah itu merupakan sebuah panggilan untuk kembali kepada jalan fitrah; kembali kepadanya. Jalannya sampai di sebuah masjid. Dunia ini sebuah masjid. Diri ini sebuah masjid. Masjid itu tempat berkenalan dengannya.

Abdullah mengangkat takbir. *Allahu akbar*. Allah Maha Besar. Bergemanya kalimah kebesaran yang manafikan kebesaran diri sehingga diri ini larut di dalam kebesarannya; kalimah kebesaran yang mengembalikan diri kepada keadaan *la hawla wala quwwata illa billah*, tiada daya dan upaya melainkan daripada Allah; kalimah kebesaran yang mengembalikan diri kepada *la wujud ilallah*, tiada yang sebenar-benar wujud selain Allah; kalimah kebesaran yang mengembalikan diri kepada shahadah yang sebenarnya; kalimah kebesarannya yang membawa diri mengenal kebesarannya sehingga diri mengenal Diri yang sebenar lalu hilang di dalam perkenalan Cinta.

Kerana Cinta, Dia telah menzahirkan manusia untuk mengenalNya.

Jatuhnya Adam ke dunia sebagai khalifah yang berjalan di dalam sebuah perjalanan kerohanian untuk mengenalNya di balik kekotoran diri, dan bukan di balik keindahan syurga.

Dengan bergemanya takbir, dia tidak dapat makan, minum dan melakukan apa-apa menurut kehendak dirinya. Setiap bicara hanya datang daripada petunjuk junjungan tercinta, bukan menurut kehendak diri. Setiap gerak, hanya menurut petunjuk junjungan tercinta, bukan menurut kehendak diri. Keadaan penyerahan menyelubungi diri yang hanya bergerak berdasarkan tuntutan, dan bukan kehendak diri. Kehendak diri telah terpadam di dalam penyerahan. Dua tangan yang mengangkat takbir melambangkan diri yang melepaskan segala ikatan kepada apa yang selain daripadanya, memasuki ruang waktu yang tak berwaktu; ruang waktu yang memperlihatkan kebesaran yang tak tergapai fikiran mahupun perasaan.

Kami mengenal Tuhan melalui Tuhan.

Yang menyembah dan yang disembah bersatu di dalam lafaz solat yang didirikan.

Setiap bicara yang mengikut tuntutanNya datang daripadaNya dan kembali kepadaNya, di balik penyerahan seorang hamba.

Dua tangan yang bertemu dan bersatu di paras bawah dada ialah lambang bertemunya seorang hamba dengan Tuhan, di dalam solat dan di luar solat; di dalam setiap turun-naiknya nafas. Dua tangan lambang seorang hamba yang bergantung kepada TuhanNya, dan pergantungan tersebut akan jelas terlihat tatkala hamba tersebut berserah kepadaNya seperti seorang janin yang berada di dalam kandungan ibunya; yakin akan CintaNya yang tak pernah pudar, yakin dengan jagaanNya sebagaimana Dia menjaga para nabiNya dan para waliNya.

Di dalam solat, Abdullah menjadi seorang bayi yang hanya kenyang dengan susuan ibunya; dia seorang bayi yang dikenyangkan dengan susuan daripada ummul kitab; ibunya kitab yang menurut kata junjungan tercinta, tiada solat tanpanya. Dia seorang bayi yang tidak tahu apa-apa, berada dalam ketidaktahuan dan mengenal ketidaktahuannya. Dia seorang bayi yang diibaratkan sebagai kain putih, tanpa dicorak apa-apa, tanpa huruf, tanpa warna, tanpa rasa. Hanya putih yang tidak berwarna seperti jubah yang dipakainya.

Para ustaz berbicara tentang sombong, riyak, ujub dan takbur di dalam syarahan setiap minggu.

Khutbah Jumaat berbicara tentang takwa setiap minggu.

Majlis maulid bicara tentang cinta setiap minggu.

Majlis tahlil bicara tentang kematian setiap minggu.

Setiap minggu ia berulang tanpa jemu, seperti tayangan berita di televisyen.

Takbir yang dilafaz hanya gema suara yang hilang dibawa angin.

Sebagai seorang salik, Abdullah berjalan daripada makam ke makam, daripada *mujahadah* ke *mushahadah*; daripada *mushahadah* ke *mujahadah*; setiap makam memandangnya dengan lafaz takbir. Selepas pulang dari pejabat nanti, dia akan bermakan

malam bersama isteri dan anak-anaknya. Semalam merupakan tarikh ulang tahun perkahwinan mereka yang ketujuh. Namun, dia tidak diizinkan menyambutnya bersama keluarga kerana terpaksa kerja lembur. Dia merancang, Tuhan juga merancang. Rancangannya penuh. Rancangan Tuhan terzahir demi sebuah hikmah yang tersembunyi di balik lengkungan masa. Andai diselak dengan sebuah penyerahan, yang dilihat ialah penzahiranNya yang membawa kepada sebuah perkenalan di dalam takbir dan cinta.

Mereka berbicara bahawa jalan suluk itu jalan melawan nafsu. Melawan nafsu bukanlah seperti permainan tinju. Seandainya terdapat seekor anjing yang bertuan meluru ingin menerkam, yang dipanggil untuk bantuan ialah tuannya. Nafsu yang meluru menerkam juga mempunyai Tuan, yang mencipta sekalian alam. Kami ingin melawan nafsu seperti seorang pahlawan sehingga menjadi pahlawan yang kecundang kerana yang terlihat hanyalah keakuan. Nafsu yang datang menerkam dijinakkan dengan penyerahan kepada Tuhan. Melalui jalan suluk, Abdullah diajar menundukkan nafsu sehingga anjing itu menjadi sahabat di syurga seperti anjingnya para *ashabul kahfi*. Ketika takbir, nafsu tertunduk tak bermaya di dalam kebesaranNya.

Di balik lisan seorang hamba, Tuhan menyatakan kebesaranNya.

Melalui nafsu manusia, Tuhan juga menyatakan kebesaranNya.

Perkahwinan mengajar menghadapi nafsu yang tidak ingin menyerah. Tuntutan keluarga buat Abdullah mengajarkannya tentang penyerahan; tentang dompet kosong yang terisi tanpa dijangka, tentang kesembuhan yang datang tanpa usaha, tentang bantuan yang menjelma dengan tiba-tiba. Melalui perkahwinan, dia menjadi Ismail yang sedia disembelih hanya untuk melihat tangan malaikat membawa seekor kibas. Berkali-kali dia seperti Ismail yang terbayang-bayangkan pisau tajam memutuskan urat lehernya dan nyawanya pun terputus, hanya untuk ia hidup kembali dengan penyerahan kepadaNya. Masalah yang memburu diri membuat dia terasa seolah-olah dibunuh, hanya untuk dihidupkan kembali dengan bantuanNya. Seorang salik bukanlah seorang pengecut yang berlari daripada tuntutan sambil mengejar

bilangan angka zikir. Seorang salik bermain dengan lumpur dan api, sehingga pakaiannya kotor dan terbakar. Perkahwinan mengajar dia bermain dengan lumpur dan api; mengenal Hawa yang tersembunyi di balik diri Adam; mengenal penyatuan yang tersembunyi di balik diri.

Banyak perkahwinan yang kucar-kacir kerana arus kehidupan jauh daripada sunnah junjungan.

Banyak perkahwinan yang kucar-kacir kerana tidak berserah kepada takdir yang menghimpit agar diri kembali bersujud dan melafazkan takbir.

Banyak perkahwinan yang kucar-kacir kerana tidak disuapkan dengan susuan daripada ummul kitab walaupun secara zahir ritual ibadah tidak dilepaskan.

Batin didera sebuah kehausan.

Perkahwinan itu sunnah junjungan yang mengajarnya tentang Cinta bersama Tuhan. Solat seseorang yang telah berkahwin berkali ganda pahalanya daripada solat mereka yang tak berkahwin. Takbir seseorang yang berkahwin ialah takbir seorang Adam yang mengenal Hawa di balik dirinya. Beberapa kali dia hampir bercerai bersama isterinya. Namun, kehendak tersebut hilang apabila dia tersedar akan sifat kesyaitanan yang berjaya meresap ke dalam diri tatkala nafasnya tidak disertai dengan ingatan terhadap Tuhan. Dia sedar tentang nafsu yang bersembunyi di balik keterburuannya.

Semalam, Abdullah sempat belajar daripada seorang anak muda yang bekerja di pejabatnya tentang cara melipat bunga mawar daripada kertas. Tadi, dia tidak makan tengahari kerana berpuasa sempena hari Isnin dan telah selesai dia siapkan tujuh kuntum bunga mawar yang dibuat daripada lipatan kertas berwarna merah.

Merah warna cinta. Para murid Shaykh Ahmad Badawi, seorang wali yang terkenal dengan selawatnya, dikenali dengan pemakaian serban berwarna merah. Merah melambangkan api yang menjadi sejuk dan tidak berjaya membakar Nabi Ibrahim yang dihukum Namrud. Penyerahan Nabi Ibrahim kepada Tuhan berjaya menyejukkan api. Dengan hati yang tidak ada apa-apa selain Allah, tenggelam di dalam kebesarannya, api tidak dapat

membakar tubuh Ibrahim. Api tunduk kepada Ibrahim, menjadi sejuk dengan KasihNya. Perkahwinannya juga seperti api yang disangkanya panas tetapi sebenarnya sejuk. Begitu juga dengan perjalanan rohani yang tak memisahkan urusan dunianya. Disangkanya api itu panas, tetapi sebenarnya api itu sejuk dengan curahan KasihNya yang tak pernah meninggalkan para pecintaNya.

Di dalam takbir, Abdullah melihat dirinya seperti Ibrahim yang masuk ke dalam api tanpa gentar. Di dalam takbir, dia menolak pelawaan malaikat untuk bantu memadamkan api kerana terlalu asyik memandangi wajahNya melalui api yang bernyala-nyala. Di dalam kebesarannya, yang ada hanyalah kesejukan yang tidak mencederakan. Kesejukan Cinta menyinari setiap urat tubuh dan denyut nadi sehingga Cinta terzahir di dalam setiap perbuatan. Dia memasuki api dengan penyerahan kepada Tuhan; dengan keyakinan bahawa tiada daya dan upaya selain Allah. Di dalam takbir, Allah cukup bagi kami sedang nafsu tidak pernah merasa cukup.

Tujuh kuntum bunga mawar kertas itu disusunnya di dalam sebuah kotak kecil. Mawar sering menjadi pilihan apabila seorang lelaki memberikan jambangan bunga kepada kekasihnya. Mawar juga melambangkan junjungan tercinta Nabi Muhammad. Dirwayatkan bahawa baginda menggunakan wangian daripada mawar. Mawar juga dikatakan sebagai ibu segala wangian. Di dalam perjalanannya sebagai seorang salik, dia juga sedang melipat sebuah kuntuman mawar agar ia menjadi sebuah perhiasan hati, menyebarkan wangian di balik setiap tingkah laku. Sebenarnya, mawar itu sudah tertanam di balik kain putih seorang bayi. Hanya ia tersembunyi di balik ketidaksedaran dan kesibukan dengan permainan dunia yang membutakan mata daripada memandangi.

Apabila Abdullah bertakbir, lafaz *Allahu Akbar* itu bergema berdasarkan ajaran baginda. Lafaz itu bukanlah sebuah lafaz yang direka-reka, melainkan sebuah lafaz yang menyatukan kita dengan baginda yang tercinta, melalui sebuah kesedaran tentang mawar yang tersembunyi itu. Apabila lidah menyebut takbir, hati turut bertakbir dan ruh bertakbir bersama junjungan tercinta. Tidak ada pengertian pada takbir yang dipisahkan daripada sang pemilik lafaz takbir.

Rohani dan jasmani bertemu di dalam takbir, di dalam sebuah Cinta yang membakar apa selain Cinta. Berbagai cara diberikan para ulama untuk bermimpikan baginda. Namun, cara yang dibawa baginda daripada pertemuan mikraj bermula dengan takbir. Cinta kepada Allah dan Cinta kepada Rasulullah bertemu di dalam takbir. Sebuah untaian syair Cinta bermula dengan takbir yang menemukan kita dengan baginda di dalam takbir. Seribu majlis maulid tidak dapat melawan kekuatan rohani yang terkandung di dalam takbir yang digemakan seorang Abdullah.

Di balik setiap kuntuman mawar, Abdullah telah menulis kata-kata buat isterinya. Setiap kata tersebut terilham selepas dia melakukan solat witr semalam. Bunga yang diberikannya melambangkan perkahwinan mereka yang berbunga. Mendapatkan sekuntum bunga itu bukanlah semudah membelinya di kedai bunga, atau memetikinya di taman bunga. Mendapatkan sekuntum bunga itu bermula dengan menanam benih. Kadang-kala benih itu diletakkan baja yang berbau busuk agar ia tumbuh lebih subur. Kadang-kala tumbuhannya melayang ditiup angin. Kadang-kala tumbuhannya dipijak kaki manusia atau binatang. Begitulah perjalanan seorang salik yang penuh dengan pelbagai bentuk ragam sebelum diperkenalkan dengan bunga mawar di balik diri, yang benihnya sudah ditanam Tuhan sebelum waktu mula berdetik.

Bunga yang berwarna merah juga melambangkan peperangan. Perjalanan salik ini seperti sebuah peperangan yang tidak akan selesai. Darah yang mengucur ialah tanda pengorbanan dalam pertempuran. Kecederaan yang dialami hanya menyedarkan anggota tubuh yang dipinjamkan Tuhan buat satu tujuan. Setiap waktu, kami berperang dengan diri yang tidak mahu menyerah. Sebagai suami dan isteri, penyerahan menyatukan dan menzahirkan perkenalan. Cinta melahirkan makrifat dan makrifat melahirkan cinta. Darah berwarna merah mengering menjadi hitam; sehitam kiswah Ka'abah.

Tujuh bunga mawar yang diberikan isterinya bukan sekadar membawa maksud tujuh tahun mereka telah bernafas bersama dalam perkahwinan. Ia juga bermaksud, tujuh tahun dia berjalan sebagai seorang salik di jalan suluk; sebuah jalan yang dilalui mereka yang ingin

mengenal Allah sebagaimana para kekasihNya mengenalNya, sebuah jalan yang tidak terpisah daripada syariat agama, sebuah jalan yang memperkenalkannya kepada makna yang tersembunyi di balik syariat, sebuah jalan yang memperkenalkannya kepada amalan zikir yang dihubungkan dengan kesedaran rohani yang pelbagai, sebuah perjalanan yang memperkenalkannya kepada Tuhan yang sentiasa dekat dengan hambanya. Tujuh kuntum mawar juga melambangkan tujuh martabat yang tersembunyi di balik manusia sebagaimana diajar gurunya, daripada martabat insan ke martabat *ahadiyah*. Tujuh kuntum mawar juga melambangkan tujuh sifat yang dipinjamkan Tuhan kepada manusia, hanya untuk dikembalikan kepadaNya melalui penyerahan iaitu sifat *qudrat, iradat, ilmu, hayat, sama', bashar* dan *kalam*. Tujuh tahun mereka bersama dalam sebuah jalan cinta yang membebaskan diri daripada belenggu nafsu.

Dan mohonlah ampun kepada Tuhanmu, kemudian bertaubatlah kepadaNya. Sungguh, Tuhanmu Maha Penyayang, Maha Pengasih. [Hud: 90]

Jalan suluk ini bermula dengan taubat dan juga berakhir dengan taubat. Sewaktu Abdullah mencari seorang guru yang boleh membimbingnya di jalan suluk ini dan di waktu terdapat ramai guru-guru hebat dari luar negara yang keluar masuk negeri ini, nasihat yang diterimanya ialah untuk memperbanyakkan istighfar. Istighfar juga menjadi kunci yang mendamaikan berpuluh perbalahan bersama isterinya. Istighfar mengarahkannya kembali kepada kiblat yang sebenarnya, Tuhan sekalian alam dan bukan nafsu yang sentiasa mencari celah-celah kelemahan untuk menjatuhkan diri. Sebelum dia memulakan langkah di jalan suluk ini dengan bimbingan gurunya, dia disuruh gurunya bersolat taubat dan mengamalkan beberapa amalan untuk memohon keampunan daripada Tuhan. Sebelum Abdullah bertakbir, dia mengambil wudhu', membersihkan kotoran yang zahir dan batin agar kembali kepada penyatuan di dalam takbir.

Katakanlah (wahai Muhammad): “Jika kamu mencintai Allah, ikutilah aku, nescaya Allah mencintaimu dan mengampuni dosa-dosamu.” Allah Maha Pengampun dan Maha Penyayang. [Ali Imran: 31]

Abdullah memilih ayat itu bagi kuntuman bunga mawar yang kedua. Jalan suluk ialah sebuah jalan yang mengubah diri seseorang untuk mengikut junjungan tercinta dari segi zahir dan batin, melalui jalan syariat dan tarekat untuk sampai kepada kesedaran hakikat dan makrifat. Mereka yang mengikut jalan junjungan tercinta sehingga dilimpahkan kesedaran tentang Cinta Allah akan dimasukkan ke dalam sebuah wilayah yang sarat dengan ilmu dan pengenalan tentangNya. Mereka yang mengikut junjungan tercinta akan bertakbir dengan Cinta yang dilimpahkan olehNya. Antara amalan yang paling diberatkan gurunya ialah amalan selawat. Abdullah disuruh memperbanyakkan selawat sehingga selawat hidup di dalam diri, dan mawar yang tersembunyi menjadi nyata. Dia diajar cara berselawat dengan kesedaran tentang junjungan tercinta. Dia diajar berselawat dengan seluruh jiwa dan raga, disertai dengan penyaksian.

Katakanlah: “Jika bapa-bapamu, anak-anakmu, saudara-saudaramu, isteri-isterimu, keluargamu, harta kekayaan yang kamu usahakan, perdagangan yang kamu khawatirkan kerugiannya, dan rumah-rumah tempat tinggal yang kamu sukai, lebih kamu cintai daripada Allah dan RasulNya serta berjihad di jalanNya, maka tunggulah sampai Allah memberikan keputusanNya.” [al-Taubah: 24]

Di jalan cinta ini, tiada yang dicinta selain Allah. Perkahwinan bukanlah sebuah percintaan yang melibatkan shahwat seorang lelaki dan wanita. Perkahwinan itu sebuah penyerahan yang melibatkan hubungan antara makhluk dengan Tuhan. Cinta antara dua orang kekasih dihubungkan dengan Cinta kepada Tuhan, Cinta yang melenyapkan segala. Hanya cinta kepada Tuhan sahaja yang sebenar-benar cinta dan cinta kepada selainNya harus didasari dengan cinta kepadaNya. Cinta membuahkan Cinta. Hanya wajahNya yang dilihat di balik setiap detik Cinta.

Dan demi sesungguhnya, Kami telah mencipta manusia dan Kami sedia mengetahui apa yang dibisikkan oleh hatinya, sedang Kami lebih dekat kepadanya daripada urat lehernya, (Qaaf: 16)

Perjalanan yang melibatkan amalan-amalan zikir dan pengisian ilmu melahirkan diri yang merasai kedekatan Tuhan setiap waktu, sehingga setiap perbuatan itu menjadi sebuah zikir; menjadi sebuah ingatan tentangNya. Riadah kerohanian yang dilalui Abdullah membentuk diri yang berzikir sepanjang waktu dengan ingatan terhadap Tuhan di dalam setiap perbuatan. Begitulah sunnah junjungan tercinta yang mengajar mengucapkan basmalah sebelum setiap perbuatan hanya supaya setiap perbuatan itu menjadi sebuah zikir dengan kesedaran bahawa ia hanya datang melalui daya dan upaya yang dikurniakan daripadanya dan kembali kepada penyaksianNya. Dia lebih dekat kepada kami daripada dekatnya kami kepada diri kami sendiri kerana setiap sesuatu yang berada pada diri ini merupakan tanda kekuasaan dan kebesarannya. Di dalam takbir, kami merasai kedekatan sehingga kami lenyap dalam kedekatan.

Wahai jiwa yang tenang! Kembalilah kepada TuhanMu dengan hati yang redha dan diredhaiNya. Maka masuklah ke dalam golongan hamba-hambaKu. Masuklah ke dalam syurgaKu. [al-Fajr: 27-30]

Jiwa yang tenang ialah jiwa yang sentiasa berada dalam ingatan kepadanya; jiwa yang ingat bahawa daripadanya kami datang dan kepadanya kami kembali; jiwa yang redha dengan setiap takdir yang menerpa kerana ia merupakan caranya memperkenalkan dirinya kepada hambanya yang tidak memiliki apa-apa. Begitu juga perkahwinan mereka yang penuh dengan pelbagai dugaan hanya untuk mengembalikan mereka kepada ketenangan yang sebenarnya. Nabi Isa diangkat ke syurga kerana redha terhadap takdir yang menyimpannya dalam setiap waktu sehingga bersedia diangkat dalam penyerahan untuk bersama Tuhan.

Seorang salik juga diajar untuk melihat dan merasakan syurga di balik dunia dengan melihat Tuhan di balik setiap yang berlaku dan merasakan kurnia nafas yang disertai dengan

ingatan tanpa nafsu. Abdullah juga diangkat ke syurga melalui perkahwinannya yang tak terpisah dengan perjalanan menuju Tuhan. Ketika bertakbir, dia berdiri tegak, mengenal jalan yang lurus di balik diri; jalan menuju syurga yang sebenarnya.

Dan milik Allah timur dan barat. Ke mana pun kamu menghadap di sanalah wajah Allah. Sungguh Allah Maha Luas, Maha Mengetahui. [al-Baqarah: 115]

Di dalam takbir, yang dihadap ialah wajahNya. Di dalam perkahwinannya juga, yang dihadap ialah wajahNya. Di dalam setiap perbuatan, yang dihadap ialah wajahNya. Di dalam takbir, Abdullah mengangkat tangannya dan menampakkan tapak tangannya dan sepuluh jari. Jari di tangan kanannya melambangkan hubungan rohani bersama junjungan tercinta dan empat orang ahli keluarganya yang digolongkan sebagai *ahlul kisa* iaitu Sayyidatina Fatimah, Sayyidina Ali, Sayyidina Hasan dan Sayyidina Husain. Jari di tangan kirinya pula melambangkan hubungan rohani bersama junjungan tercinta dan empat sahabat *khulafa al-rasyidin* iaitu Sayyidina Abu Bakar, Sayyidina Umar, Sayyidina Uthman dan Sayyidina Ali..

Mereka dihubungkan dengan ibadah solat yang bermula dengan lafaz takbir yang menampakkan kebesarannya, melenyapkan apa yang selainNya daripada hati kerana yang dihadap setiap waktu ialah Dia jua. Pandangan terhadapNya melenyapkan segala. Lafaz takbir yang dibaca dengan suara jelas membawa kepada kesedaran yang tak dapat diucapkan dengan suara. Begitu juga perkahwinan, yang menampakkan kebesarannya di balik nafsu dan shahwat, di balik pergaduhan dan perbalahan, di balik kurnia dan nikmat, di balik penyerahan, di balik Cinta.

Di kuntuman bunga yang terakhir, dia menulis Abdullah bin Abdullah bin Abdullah bin Abdullah bin Abdullah bin Abdullah bin Abdullah bin Abdullah. Merah warna cinta dan makrifat seorang Abdullah.

Setiap waktu kami hanyalah seorang hamba yang tidak bermaya melakukan apa-apa kecuali dengan izinNya. Kami hanya dapat mengangkat takbir dan bersuara dengan izinNya sahaja dan segalanya merupakan sebuah kurniaan daripada kemurahanNya. Segalanya

kembali kepadaNya. Di dalam takbir, kami sedar bahawa kami hanyalah hamba kepada Allah. Segala yang selainNya hancur dan musnah, dan yang tinggal hanyalah Allah. Segala yang selainNya adalah daripadaNya jua dan tak pernah terpisah daripadaNya. Bumi dan diri ini ialah sebuah kanvas yang memaparkan lukisanNya hanya untuk dilihat mereka yang berjalan di jalanNya.

Kami beralih daripada satu pergerakan kepada satu pergerakan yang lain, dengan lafaz takbir. Kami beralih daripada satu makam kepada satu makam yang lain dengan lafaz takbir. Kami beralih daripada satu jenis zikir kepada jenis zikir yang lain dengan lafaz takbir. Tiada satu saat pun yang diberikan untuk kami menonjolkan kehebatan kami kerana segalaNya hanya terpusat kepadaNya sebagaimana kiblat solat kami ialah Ka'abah. Ka'abah itulah diri kami yang paling benar dan bersih. Ka'abah itulah kain putih yang menyembunyikan sekuntum mawar merah. Ka'abah itulah diri kami yang sebenarnya yang pernah suatu ketika menjawab kepadaNya bahawa kami bersaksi bahawa Engkau adalah Tuhan kami.

Setiap ibadah yang dilakukan di jalan ini dikembalikan kesedarannya kepada solat yang merupakan tiang agama dan tiang seorang salik. Solat dikembalikan kepada shahadah. Shahadah yang dibawa junjungan tercinta bukan sekadar kata-kata yang dilafaz di bibir tetapi sebuah kesedaran Tauhid bahawa Allah berdiri sendiri tanpa ada yang berdiri bersamaNya sedang yang selain daripadaNya ialah daripadaNya juga dan bergantung kepadaNya. Hanya seorang Abdullah yang berserah sebagai hamba memandangnya dengan penyatuan di balik perpisahan dan perpisahan di balik penyatuan.

Di dalam takbir, ada penyerahan; ada Ibrahim yang tak dibakar api; ada Nuh di atas bahtera; ada Isa yang diangkat ke langit; ada Khidir yang menemui air ma'ul hayat; ada Adam yang bersatu dengan Hawa; ada Muhammad yang dibawa bertemu Tuhannya, lalu baginda kembali membawa hadiah solat yang dimulakan dengan takbir buat para hamba menghadap Tuhan. Di dalam takbir, kami mulakan jalan perkenalan. Di dalam takbir, kami menjadi Abdullah yang tak henti bertakbir di rumahNya.

Bacalah Kitab yang telah diwahyukan kepadamu dan laksanakanlah solat. Sesungguhnya solat itu mencegah dari perbuatan keji dan mungkar. Dan mengingat Allah itu lebih besar. [al-Ankabut: 45]

Allahu akbar! Allah Maha Besar.

KebesaranMu melarutkan aku

sehingga aku hilang dalam mengenali Dia

yang berbicara di balik setiap lisan

yang terpancar di balik setiap wajah

yang bernafas di balik setiap nafas

dalam Cinta.

Allahu akbar. Allah Maha Besar.

3430 perkataan